



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	MUKA SURAT	:	13
TARIKH	:	21/8/2018			
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

PERHILITAN rampas 50 sumbu badak RM48 juta

Kuala Lumpur: Sejumlah 50 sumbu badak dan sembilan bangkai haiwan dianggar bernilai RM48.5 juta dipercayai cuba diseludup ke Vietnam, dirampas Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

Rampasan terbesar dalam sejarah negara itu membabitkan sumbu badak dipercayai spesies badak Afrika manakala bangkai haiwan adalah spesies pemangsa seperti beruang, harimau, harimau kumbang dan harimau dahan.

Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Abdul Kadir Abu Hashim, berkata semua bahagian haiwan liar itu dirampas pada jam 8 malam, 13 Ogos lalu hasil maklumat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Katanya, ia susulan laporan be-

berapa kotak berbau busuk di Pos Aviation Cawangan Eksport, bangunan Terminal Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dipercayai mengandungi bangkai haiwan.

Bangkai haiwan tanpa kulit

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan enam kotak mengandungi sumbu badak manakala empat lagi berisi bangkai haiwan tanpa kulit.

"Semua 50 sumbu badak dirampas seberat 116 kilogram (kg) dengan nilai keseluruhan RM48 juta.

"Ia dijual di pasaran gelap pada harga RM100,000 bagi setiap kg.

"Sembilan set bangkai haiwan itu seberat 200kg dengan nilai di pasaran gelap mencecah RM500,000," katanya di Ibu Pejabat PERHILITAN,

di sini, semalam.

Abdul Kadir berkata, semua bahagian haiwan berkenaan dipercayai cuba diseludup ke Hanoi, Vietnam dan dibawa masuk ke negara ini dengan menjadikan KLIA sebagai laluan transit.

Tujuan perubatan

Katanya, PERHILITAN percaya bahagian haiwan itu akan diproses untuk dijadikan serbuk bagi tujuan perubatan di Vietnam.

"Kita masih menyiasat pengirim, tarikh tiba di KLIA dan penerimanya.

"Pada masa sama, alamat penerimanya di Hanoi, Vietnam dipercayai palsu dan bahagian haiwan itu akan diambil oleh ahli sindiket sebaik tiba di negara berkenaan," katanya.

[FOTO BERNAMA]



Abdul Kadir menunjukkan sebahagian sumbu badak yang dirampas pada sidang media PERHILITAN di Kuala Lumpur, semalam.